

# Ikan lumba-lumba gagal diselamatkan

DE 03.01.2012 2

## **Rini Zahlifah Ismail**

KOTA KINABALU: Difahami bahawa ikan lumba-lumba yang dipindahkan ke Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah pada 26 Disember telah mati.

Sebelum kematiannya, dilaporkan bahawa ikan lumba-lumba itu berada dalam keadaan baik tetapi mula menunjukkan tanda-tanda stres pada keesokan harinya.

Pengarahnya, Prof Dr Saleem Mustafa berkata meskipun pelbagai usaha dilakukan untuk membantu ikan lumba-lumba itu, ia gagal diselamatkan. Kakitangan dari Jabatan Hidupan Liar sedang menjalankan bedah siasat dan akan menyediakan laporan, katanya, pada Rabu.